


Selamat Datang ke Johor Bahru



“Welcome to Johor Bahru”.

Begitulah ungkapan mesra yang menyambut kedatangan tetamu bandaraya ini yang terpapar indah di papan iklan di Tambak Johor dengan berserta visi “Johor Bahru Bandaraya Bertaraf Antarabangsa 2020” yang jelas melambangkan kesungguhan Johor Bahru sebagai tarikan destinasi pelancongan yang menarik.

Johor Bahru, atau dikenali panggilan singkatannya “JB”, ialah bandaraya kedua terbesar Malaysia dengan populasi hampir 1 juta meliputi kawasan bandar berselerak, perindustrian dan komersial di mana latar langit sentiasa berubah dan komuniti perniagaan sentiasa berkembang pesat. Johor Bahru memainkan peranan penting sebagai penghubung ke destinasi pelancongan lain di negara ini sesuai dengan peranannya sebagai “The Southern Gateway”.

Bagi pencinta warisan, dengan gabungan bangunan-bangunan lama dan baru merupakan satu tarikan kepada mereka ke Johor Bahru. Dengan kemegahan Bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan dan Istana Besar Johor yang tersegam megah menghadap Selat Tebrau, pelbagai khazanah yang bernilai boleh diterokai dan menyelami kegemilangannya.

Pertumbuhan kawasan membeli belah yang banyak menawarkan pelbagai produk dan barangan yang berkualiti dan berpatutan mampu memukau penggemarnya. Perkembangan perhotelan yang pesat seolah-olah mengalu-alukan kehadiran anda ke Johor Bahru...

Alamilahnya...


Tempat dan Aktiviti Menarik di Johor Bahru

Kepelbagaian tempat dan aktiviti-aktiviti menarik di Johor Bahru semakin menggalakkan. Dengan tarikan pencahayaan yang memukau pandangan dan persembahan pancutan air berirama seolah-olah memberi satu penterjemahan tarikan dan sambutan kepada pengunjung ke Bandaraya Johor Bahru. Pengkalan mercu tanda warisan sedia ada dan kewujudan ikon baru lebih mempertonjolkan lagi Bandaraya Johor Bahru.

TAMAN TASIK MERDEKA

Jalan Kolam Ayer, Johor Bahru, Johor, Malaysia

Taman yang terletak di Tasik Utara iaitu kira-kira 3 km dari pusat bandaraya Johor Bahru ini mempunyai kawasan seluas 31 ekar yang merangkumi pembangunan Fasa 1 dan Fasa 2. Di sini pengunjung bukan sahaja dapat beriadah tetapi juga dapat mempelajari berhubung kemerdekaan melalui komponen pembangunan yang telah disediakan.




‘MUSICAL FOUNTAIN’ TAMAN TASIK MERDEKA

Waktu Operasi : Hari Jumaat, Sabtu dan Ahad serta cuti umum
Masa operasi : 8.30 malam hingga 11.00 malam.



HUTAN BANDAR


Hutan Bandar meliputi kawasan seluas 50 ekar yang terletak di pertemuan Jalan Tasik Utara dan Jalan Yahya Awal, Johor Bahru iaitu kira-kira 1.5 km dari pusat bandar raya.



DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU

Jalan Kolonel Wilson, Johor Bahru

Dataran Bandaraya adalah tempat berlakunya pelbagai peristiwa penting di Johor Bahru sejak 1994. Menara jam yang berdiri di sini dibina sebagai mercu tanda memperingati pengisytiharan Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya pada Januari 1994. Sejak pembukaan rasminya pada tahun 1994, pelbagai kegiatan negeri telah dibuat di sini, antaranya persembahan kebudayaan, perarakan hari kemerdekaan dan pelbagai pameran dan jualan dibuat di sini. Ia merupakan sebuah dataran yang terbuka luas, penuh dengan kehijauan dan bunga-bungaannya menjadikannya sebuah dataran yang sangat menarik untuk dijadikan tempat membuat persembahan dan acara tahunan.



TAMAN ORKID @ HUTAN BANDAR

Taman ini direka bagi menyediakan satu ruang pameran pelbagai spesies orkid khususnya orkid-orkid liar tempatan di kawasan yang mempunyai persekitaran yang hampir serupa dengan habitat asal orkid-orkid yang dipamerkan. Taman ini juga dilengkapi dengan kemudahan interaktif dengan menggunakan kaedah pandang dengar untuk sistem penyampaian maklumat kepada para pengunjung.



RUMAH JOHOR@HUTAN BANDAR

Hutan Bandar Tasek Utara, Johor Bahru

Rumah Johor Yang Terletak di Hutan Bandar Johor Bahru ini adalah salah satu rumah tradisional negeri Johor. Rumah Johor ini dibina khas di Hutan Bandar Johor Bahru bagi mempamerkan seni pertukangan tradisional Johor dijadikan sumber tarikan pengunjung. Rumah Johor juga dikenali sebagai rumah limas kerana bumbungnya mempunyai perabung panjang dan bersambung dengan empat buah perabung limas menurun ke cucuran atap. Rumah Johor amat mudah dikenali berdasarkan puncak bumbungnya yang dipasang kayu berbentuk tajam yang dipanggil Tunjak Langit. Rumah Johor ini dibuka untuk sewaan kepada orang awam bagi melaksanakan pelbagai aktiviti dan program dengan kadar yang berpatutan.



PANDAN UPTOWN

Bermula dengan kerjasama yang diberikan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), kawasan lapang yang terletak bersebelahan dengan Pasar Borong Pandan dibuka pada 2012 dengan konsep terbuka yang mana peniaga menggunakan khemah untuk berniaga bermula daripada pukul 6 petang hingga 2 pagi.



LANAN MAHKOTA ISTANA BUKIT SERENE

Ketinggian 20.9 meter dengan saiz 4.8 meter tinggi dan 60 meter lebar. Disaluti dengan 3,063 biji kristal berwarna biru, putih, merah, hijau, merah jambu dan ungu dengan 17 jenis saiz yang berbeza dengan beratnya 2,800 kilogram. Pada waktu malam pula laman mahkota ini dipersmbahkan dengan 'water feature' bagi menambahkan lagi keserian pada waktu malam.



PANTAI STULANG LAUT


Pantai Stulang Laut terletak di pinggir Selat Tebrau yang memisahkan Malaysia dari Singapura. Pada ketika itu, pantai ini merupakan sebuah kampung nelayan Melayu yang menjalani aktiviti perikanan di kawasan Selat Tebrau. Kini, pantai ini menjadi tempat tumpuan pengunjung untuk melakukan aktiviti riadah dan santai bersama keluarga terutamanya pada waktu petang. Pada waktu pagi, kebiasaannya di pantai ini menjadi tumpuan orang ramai mendapatkan hasil laut segar yang diniagakan oleh nelayan orang asli secara kecil-kecilan.



ZOO JOHOR


ZOO JOHOR

Ditubuhkan pada 1928, kini ia menjadi salah satu tarikan utama di Johor. Zoo Johor ini pada mulanya dikenali sebagai "kebun binatang" dan dibangunkan oleh Sultan Johor ketika itu, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar. Zoo tersebut telah ditadbir pihak Istana Sultan Johor, dan dipercayai salah sebuah terawal ditubuhkan di Asia ketika itu. Zoo ini kemudian bertukar nama ke Zoo Johor, dan kini di bawah pengurusan Kerajaan Negeri Johor. Terletak di kawasan bandaraya, pengunjung pasti teruja dengan pelbagai haiwan di sini.




PASAR KARAT (BAZAR JB)

Bazar JB atau dulu lebih dikenali sebagai Pasar Karat terletak di tengah-tengah Bandar raya Johor Bahru. Bazar JB/ PasarKarat ini dibuka seawal jam 6 petang dan berakhir hingga awal pagi. Pelbagai barangan dijual antaranya pakaian, aksesori kasut 'bundle', pakaian, jam tangan, tudung, aksesori wanita, barangan antik, aksesori telefon dan barangan permainan kanak-kanak. Selain daripada itu terdapat juga pelbagai jenis pilihan makanan tradisi Johor yang dijual dengan harga yang berpatutan.




ANGRY BIRDS ACTIVITY PARK, JOHOR BAHRU

Taman tema ini meliputi 26,000 kaki persegi dan terletak di dalam KOMTAR JBCC, adalah tarian baru di Johor Bahru. Taman tema ini menawarkan pelbagai jenis permainan dan tarikan yang sesuai untuk kanak-kanak, belia dan ibu bapa. Dibuka pada masa 10:00-10:00 setiap hari.




JOHOR INTERNATIONAL YOUTH HUB

Hutan Bandar MBBJ



Hab Belia Antarabangsa Johor ini diwujudkan khas untuk golongan belia dan diharap menjadi platform dan tempat mereka menjalankan aktiviti dan bermasyarakat. Penubuhan Hab juga selaras dengan usaha menjadikan kawasan Iskandar Malaysia sebagai metropolis yang tidak hanya memberi perhatian kepada pembangunan fizikal malah turut membabitkan pembangunan sumber manusia. Terdapat pelbagai aktiviti disediakan di sini seperti wall climbing, skateboarding, program keusahawanan belia, bengkel, kelas, pembangunan holistik, kaunseling, pameran seni, konsert, ruang untuk apa-apa jenis projek kreatif.



JB WAKEUP CAR FREE DAY

Jom sertai aktiviti santai dan sihat "JB Wake Up Car Free Day" setiap Sabtu, minggu kedua setiap bulan. Sepanjang acara ini diadakan, laluan ditutup kepada kenderaan bermotor dari 7 hingga 10 pagi pada setiap Sabtu minggu kedua (sepanjang 2.53 km).



Warisan Johor Bahru

Warisan adalah perkara yang tidak dapat dipisahkan dengan Bandaraya Johor Bahru. Terdapat kepelbagaian warisan di Johor Bahru amat mengagumkan kepada pecintanya. Dengan hasil gabungan senibina Melayu Johor, Islam dan Kolonial menggabungkan keunikan Johor Bahru dengan siratan kegemilangannya suatu ketika dahulu.

ISTANA BUKIT SERENE

Istana Bukit Serene ialah istana kediaman rasmi Sultan Johor. Almarhum Sultan Iskandar yang mula menjadikan istana ini sebagai kediaman rasmi baginda dengan mengisytiharkan Istana Besar Johor dijadikan muzium diraja negeri untuk tatapan rakyat jelata. Istana ini terletak di Bukit Serene, Johor Bahru, dan menghadap Selat Johor.



MASJID SULTAN ABU BAKAR

Bangunan Masjid telah siap dibina pada tahun 1900, akan tetapi batu asasnya telah diletakkan pada tahun 1892 oleh DYMM Baginda Sultan Abu Bakar. Masjid ini mempunyai senibina yang sangat unik yang menggabungkan ciri-ciri Islamik dan kolonial.



ISTANA BESAR DAN MUZIUM DIRAJA

D.Y.M.M Baginda Sultan Abu Bakar telah meletakkan batu asasnya pada tahun 1864. Bangunan Istana ini telah siap sepenuhnya pada tahun 1866. Istana ini merupakan tempat berlangsungnya majlis-majlis kerajaan dan adat Istiadat Diraja Johor. Istana ini juga mempunyai kawasan taman yang luas serta mempunyai landskap bertemakan Jepun dan muzium Diraja (Muzium Sultan Abu Bakar). Waktu lawatan bagi Muzium Diraja adalah 9.00 pagi hingga 5.00 petang setiap hari kecuali Jumaat.





BANGUNAN SULTAN IBRAHIM

Bangunan ini telah dibina pada tahun 1940 hasil gabungan senibina Melayu Johor, Islam dan kolonial. Yang melambangkan keagungan Kerajaan Negeri Johor yang berkembang pesat dan makmur. Ketika perang Dunia ke 2, Tentera Jepun telah menduduki bangunan tersebut sebagai kubu mereka dan pusat gerakan untuk menyerang Singapura. Selepas itu, bangunan ini menempatkan Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Johor sebelum ianya dipindahkan ke Kota Iskandar.


MAHKAMAH TINGGI JOHOR BAHRU

Mahkamah ini adalah salah satu bangunan era kolonial British yang masih mengekalkan rekabentuk dan ciri-ciri klasik yang masih berfungsi sehingga kini.



MUZIUM TOKOH JOHOR BANGUNAN DATO' JAAFAR BUKIT SENYUM

Bangunan yang terletak di tengah bandar raya dan menghadap Selat Tebrau dan Singapura itu dibina pada 1886 sebagai kediaman rasmi menteri besar pertama Johor, Dato' Jaafar Muhammad iaitu bapa kepada Presiden UMNO pertama Dato' Onn Jaafar ketika pemerintahan Sultan Abu Bakar. Menurutnya, rekabentuk bangunan tersebut menyamai beberapa bangunan lama England seperti Istana Menara Empat, Hardwick Hall dan River Castle, mempunyai empat menara di setiap penjuru selain kubah berbentuk payung dan tangga untuk naik ke ruang atas.




STESEN KERETAPI JOHOR BAHRU

Stesen Keretapi Johor Bahru merupakan sebuah stesen kereta api yang terletak di Johor Bahru, Johor yang turut memberi perkhidmatan kepada sekitar metropolitan Johor Bahru, Bandar Kota Tinggi dan Pontian. Stesen keretapi ini telah ditutup pada Julai 2010 setelah diambil alih oleh Stesen Keretapi JB Sentral yang terletak bersebelahan dengan stesen ini dan menjadikannya mercu tanda yang baru di bandaraya ini. Jarak antara Kota Tinggi ke pusat bandar ialah 40 kilometer manakala ke Pontian 45 kilometer. Stesen ini menyediakan perkhidmatan KTM Antarabandar yang menghubungkan Bangkok di utara dan Singapura di selatan.



JALAN DOBI JOHOR BAHRU

Jalan Dohoby menjadi tumpuan umum malah menjadi kunjungan pelancongan dalam dan luar negara berikutan wujudnya pelbagai lokasi menarik seperti Roost Juice Bar, Roast, Salahuddin Bakery (Jejak Warisan Iskandar Puteri) dan IT Roo Cafe."



JALAN TAN HIOK NEE

Jalan Tan Hiok Nee diberikan nama bagi mengenang dan menghargai sumbangan masyarakat Teochew khususnya Tan Hiok Nee, seorang saudagar lada hitam dan cengkih yang berjaya di Johor Bahru pada era Sultan Abu Bakar.

Jalan Tan Hiok Nee telah dibangunkan sebagai jalinan pejalan kaki yang selesa, bersih dan teratur yang menghubungkan kawasan perniagaan di Jalan Wong Ah Fook sehingga ke Jalan Dato' Onn di hadapan Bangunan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Pejabat Pos. Kerajaan negeri Johor telah bersetuju menjadikan Jalan Tan Hiok Hee di pusat bandar raya ini sebagai jalan kebudayaan bagi mengekal dan memelihara sejarah kebudayaan masyarakat Cina di sini.



KAMPUNG WONG AH FOOK

Mendiang Wong Ah Fook (1837-1918) juga dikenali sebagai Wong Fook atau Wong Fook Kee, adalah seorang pendatang Cina, usahawan, dan dermawan yang meninggalkan kesan mendalam kepada negeri Johor terutamanya Johor Bahru.

Beliau adalah kontraktor bangunan, walaupun begitu juga ada menceburi banyak perniagaan lain. Beliau telah membina beberapa buah bangunan warisan Johor, termasuk Istana Besar asal, istana diraja Sultan Johor dan Penjara Air Molek.

Pada tahun 1892, Wong telah diberi pajakan 99 tahun untuk 10 lot tanah oleh Sultan Abu Bakar di tebing timur Sungai Segget sebagai ganjaran untuk perkhidmatan beliau. Dinamakan Kampung Wong Ah Fook, jalan utama di kampung itu dinamakan Jalan Wong Ah Fook, manakala tiga jalan yang lebih kecil, iaitu Jalan Siu Nam, Jalan Siu Koon, dan Jalan Siu Chin, telah dinamakan sempena nama tiga anak lelaki Wong. Kawasan ini menjadi kawasan terkenal Kantonis dominan dan kini pusat bandar Johor Bahru dengan semua empat jalan yang masih wujud hingga hari ini.

Jalan Wong Ah Fook, salah satu jalan yang paling sibuk di pusat bandar Johor Bahru, dinamakan sempena nama beliau.



BALAI POLIS SENTRAL

Bangunan yang dibina pada tahun 1914 ini, adalah binaan ketiga yang menggantikan Pos Polis yang terdahulu terletak di Bukit Polis. Balai yang terletak di Jalan Sawmill ni masih gah beroperasi di lokasi yang strategik untuk kawal selia di Pusat Bandar Johor Bahru.



TOKONG LAMA CINA, JALAN TERUS


(Johor Old Chinese Temple)

Tokong ini telah dibina pada tahun 1870 oleh masyarakat cina di Johor Bahru yang diketui oleh Tan Hoik Nee. Tokong ini pernah menjadi pusat komuniti oleh lima kumpulan etnik cina yang berbeza Tokong ini pernah diubah suai pada tahun 1995, tetapi masih mengekalkan ciri-ciri keaslian asal.



MUZIUM WARISAN TIONGHUA

Antara tempat yang menarik untuk di kunjungi jika anda berada di Johor Bahru ialah Muzium Warisan Tionghua (Johor Bahru Chinese Heritage Museum). Untuk masuk, pengunjung dikenakan bayaran sebanyak RM5 untuk dewasa manakala RM3 untuk kanak-kanak. Muzium ini dibuka dari hari Selasa hingga Ahad, 9:00 pagi hingga 5:00 petang dan ditutup pada hari Isnin.



GURDWARA SAHIB SIKH TEMPLE

Masyarakat Sikh telah menetap di Negeri Johor pada abad ke-19-an, kebanyakannya bekerja dalam Pasukan Polis atau Pengawal Sultan Johor. Pada tahun 1916 Sikh meminta sebidang tanah daripada Pesuruhjaya Polis Johor untuk membina Sikh Gurdwara dan tapaknya telah diwartakan sebagai rizab kuil. Pada asalnya, tanah kawasan tersebut berlumpur dan berpayu. Masyarakat Sikh telah bergotong royong menutup payu tersebut dengan pasir dan batu. Pada akhir tahun, 1921, terbinalah Sikh Gurdwara yang pertama di Johor Bahru.

PENGENALAN

Laman Rekreasi ini terletak di Jalan Harmoni, Taman Desa Harmoni, daerah Johor Bahru berhampiran dengan Panderosa Golf & Country Club.

Laman Rekreasi ini menrangkumi kawasan seluas 6.6 hektar (16.3 ekar) dan dilengkapi dengan sebuah tasek seluas 10 ekar yang terletak di tengah laman ini.

Laman Rekreasi ini menyediakan pelbagai kemudahan untuk orang awam dari pelbagai lapisan masyarakat yang muda hingga dewasa untuk beristirahat dan menjalankan aktiviti riadah seperti senaman, berjoging, berkhemah dan sebagainya.





AKTIVITI

Pelbagai aktiviti boleh dijalankan di Laman Rekreasi ini. Antaranya ialah :-

Aktiviti Sukan Air
❖ Memancing

Aktiviti Sukan Darat / Tradisional

- ❖ Sepak Takraw
- ❖ Badminton
- ❖ Bola Tampar
- ❖ Bola Keranjang
- ❖ Berjoging
- ❖ Bersilat
- ❖ Bertaici
- ❖ Bermain Catur
- ❖ Bermain Gasing
- ❖ Permainan Teng-Teng



Untuk keterangan lanjut
Sila hubungi
JABATAN LANDSKAP , HUTAN BANDAR ,
JALAN TASEK UTARA , JOHOR BAHRU
Tel : 07-2282636 , 07-2282570 Fax 07-2282571

KEMUDAHAN AKTIVITI


Riadah / beristirehat :-

- Taman Permainan Kanak-Kanak
- Gelanggang Bola Keranjang
- Gelanggang Permainan Tradisional
- Gelanggang Permainan Serbaguna
- Kawasan Rehat
- Lelapang Layang-Layang
- Peralatan senaman Fizikal
- Jeti & Pelantar
- Dataran

KEMUDAHAN AWAM

Pelbagai kemudahan awam, kemudahan untuk beristirehat serta kemudahan menjalankan aktiviti riadah disediakan di laman rekreasi ini. Antaranya ialah :-




- Gerai Makanan Ringan
- Tandas Awam
- Wakaf
- Laluan Pejalan Kaki
- Tempat Letak Kenderaan
- Tempat Duduk
- Tong Sampah



Taman Rekreasi Laman Tasik Pandan



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





Majlis Bandaraya Johor Bahru

Peti Surat 232,
Jalan Dato Onn,
80000 Johor Bahru
Telefon Am : 07 2282525
Faks : 07 2217852
E-mail: www.mbjb.gov.com.my



Sky Led

EXPLORE JOHOR



Majlis Bandaraya Johor Bahru

Peti Surat 232,
Jalan Dato Onn,
80000 Johor Bahru

Talian Am : 07 2282525
Faks : 07 2217852

E-mail: www.mbjb.gov.com.my

JOHOR BAHRU INTERNATIONAL FUTURE CITY
SUSTAINABLE OF GREEN,
URBAN HERITAGES & LIFE SYLES,
INCLUSIF ON CULTURAL AND TOURISM EXPERIENCE



Taman Merdeka Muzika Fountain

**EXPLORE
JOHOR**



Bangunan
Sultan Ibrahim



*Dataran Bandaraya
Johor Bahru*



Dataran Istana Bukit Serene



Laman Mahkota Johor



Gerbang Skudai Johor



*Pancutan Air Berirama
Taman Merdeka*



Arca Jata Johor